

B618:

KEMUNCAK-RANCANGAN
DARI ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1981

071

TAIF, 28 JAN. (BERNAMA) — MALAYSIA MENYERTAI 37 BUAH NEGARA ISLAM YANG LAIN MENDESAK DIAMBIL LANGKAH LEBIH BERKESAN BAGI MELEMAHKAN EKONOMI ISRAEL SEBAGAI USAHA MENYEKAT DASAR PERLUASAN NEGARA ITU.

SERUAN ITU DIBUAT OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMASA RUNDINGAN MENGENAI ISSU PALESTIN DI PERSIDANGAN KEMUNCAK ISLAM YANG KETIGA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYUARAKAN SOKONGAN MALAYSIA SUPAYA AL-MALIK HASSAN, MAGHRIBI TERUS MEMPENGERUSIKAN JAWATANKUASA PALESTIN PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM.

BELIAU JUGA MEMUJI KHIDMAT AL-MALIK HASSAN DAN PARA ANGGOTA JAWATANKUASA ITU YANG BERTANGGUNGJAWAB MERANGKA SATU STRATEGI BARU ISLAM MENENTANG PIHAK YAHUDI.

ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA PERSIDANGAN ITU SETAKAT INI TELAH MELULUSKAN SATU RANCANGAN TINDAKAN YANG MENYELURUH BAGI MENENTANG ISRAEL.

RANCANGAN ITU YANG DISEDIAKAN OLEH JAWATANKUASA BERKENAAN DAN DIPERBAIKI LAGI OLEH PARA MENTERI LUAR ISLAM DALAM MESYUARAT PERSEDIAAN MEREKA DI TAIF BARU-BARU INI MENDESAK DIKENAKAN PEMULAUAN EKONOMI SECARA MELUAS KE ATAS ISRAEL. —
BERSAMBUNG 1938/A1

KEMUNCAK-RANCANGAN 2 TAIF

TINDAKAN YANG SERUPA JUGA DIPERAKUKAN TERHADAP PARA PENYOKONG ISRAEL KERANA NEGARA-NEGARA PESERTA SEPENDAPAT SALAH SATU SEBAB UTAMA KEDEGILAN ISRAEL MEMATUHI PENDAPAT MASYARAKAT ANTARABANGSA IALAH SOKONGAN YANG DITERIMANYA DARI NEGARA-NEGARA TERTENTU, TERMASUK AMERIKA SYARIKAT.

WALAUPIUN TIDAK SEMUA 42 BUAH NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN ITU DIWAKILI DI SIDANG KEMUNCAK ITU, MEREKA BAGAIMANAPUN DIJANGKA AKAN MEMATUHI GESAAN TERSEBUT DAN MENYERTAI RANCANGAN TINDAKAN ITU.

SATU LAGI DOKUMEN PENTING YANG DILULUSKAN SETAKAT INI IALAH PENGISYTIHARAN MEKAH YANG, ANTARA LAIN, MENGGARISKAN PRINSIP-PRINSIP ASAS BAGI MENGENDALIKAN HUBUNGAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM, ANTARA NEGARA-NEGARA ISLAM DENGAN NEGARA BUKAN ISLAM DAN ANTARA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM DENGAN LAIN-LAIN PERTUBUHAN ANTARABANGSA.

PERSIDANGAN ITU DIJANGKA AKAN MENERUSKAN SESSINYA HINGGA LEWAT MALAM INI BAGI MEMBINCANGKAN PERKARA TERAKHIR DALAM AGENDANYA IAITU SENGKETA IRAN-IRAQ DAN ISSU AFGHANISTAN.

SUNGGUHPUN PRESIDEN ABOLHASSAN BANI-SADR, IRAN TIDAK MENYERTAI PERSIDANGAN ITU KERANA KEHADIRAN PRESIDEN IRAQ, ENCIK SADDAM HUSSEIN, KETUA-KETUA KERAJAAN ISLAM ITU DIJANGKA AKAN MERUMUS SATU FORMULA BARU BAGI MENAMATKAN PERANG TELUK.

SATU PERCUBAAN TERDAHULU DARI INI OLEH WAKIL-WAKIL KHAS PERSIDANGAN ITU GAGAL MEMUJUK IRAN MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK ITU KERANA PIHAK BERKUASA TEHERAN ENGGAN MENGUBAH PENDIRIAN ASALNYA.

ADALAH DIRAMALKAN SEKIRANYA PERSIDANGAN ITU BERJAYA MERUMUSKAN FORMULA BARU ITU, SATU LAGI ROMBONGAN DAMAI AKAN PERGI KE TEHERAN UNTUK MEMBERI TAKLIMAT KEPADA PARA PEMIMPIN IRAN MENGENAI KEPUTUSAN SIDANG TERSEBUT. — BERNAMA 1944/A1